



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2094 0892

Rujukan : JKT.D.100-1/3/2Jld.3(*16*)

Tarikh : *08* Julai 2011

PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 7 TAHUN 2011

GARIS PANDUAN PERANCANGAN REKA
BENTUK SEJAGAT (UNIVERSAL DESIGN)

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pemakaian **Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)**.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada **4 Mei 2011** dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-64 (MNKT Ke-64) pada **23 Mei 2011** telah bersetuju dengan pelaksanaan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*).

GARIS PANDUAN PERANCANGAN REKA BENTUK SEJAGAT (UNIVERSAL DESIGN)

3. Garis panduan ini adalah semakan semula terhadap garis panduan sedia ada [Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya 1/2000 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM)] di mana ia adalah bertujuan untuk membantu PBN, PBT dan agensi pelaksana di dalam merancang kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang bercirikan reka bentuk sejagat yang boleh diakses oleh semua golongan individu tanpa mengira peringkat umur dan keupayaan fizikal masing-masing.

4. Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) akan dilaksanakan di peringkat PBN dan PBT di mana pihak berkuasa berkenaan perlu memastikan semua pemaju mematuhi garis panduan ini semasa mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan. Ia menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan **prinsip-prinsip perancangan serta garis panduan umum, garis panduan khusus dan piawaian perancangan** yang perlu dipatuhi. Maklumat lengkap garis panduan tersebut adalah seperti di **Lampiran**.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PERTANYAAN

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari
50646 KUALA LUMPUR
(u.p.: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)
No. Telefon : 03-2081 6000
No. Fax : 03-2094 1170 / 2094 1180

PENUTUP

7. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ”

Yang Ikhlas,



(DATUK AHMAD BIN HAJI KABIT)

~~Ketua Setiausaha~~

~~Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan~~

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan